

**WARISAN SENIBINA MASJID-MASJID LAMA DI SELANGOR :
KAJIAN KHUSUS TENTANG NILAI ESTETIKA REKABENTUK
DAN RAGAM HIAS**

Mohd. Zainudin Bin Haji Abdullah
Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya
40000 Shah Alam, Selangor
Malaysia

ABSTRAK

Masjid atau tempat solat, adalah rumah ibadat bagi umat Islam, ia juga lebih dikenali sebagai rumah Allah dikalangan masyarakat Melayu. Di masjid umat Islam berkumpul dan menjalankan segala kegiatan keagamaan seperti sembahyang berjemaah dan sebagainya. Institusi masjid telah membuktikan masjid adalah salah satu simbol kekuatan dan penyatuhan umat Islam sejagat. Keterampilannya menjadi model kepada penyusunan masyarakat yang lebih tersusun dan berkesan. Hari ini keterampilan masjid bukan sahaja di kagumi kerana peranan dan fungsinya semata-mata, bahkan mencakupi penciptaannya yang unik dan kreatif terutamanya melalui garapan reka bentuk dan ragam hiasnya yang pelbagai. Struktur dan komponan masjid seperti kerangka bangunan, kubah, mimbar, mihrab, ruang solat, tempat wuduk hinggalah kepada penghasilan alat komunikasinya seperti penciptaan menara azan, loteng, beduk, kertuk mahupun kentung adalah evolusi peninggalan sejarah masyarakat Melayu-Islam tulen yang mencerminkan ciri-ciri tempatan yang kaya dengan warisan agung tradisi nenek moyang masyarakat kita. Justeru itu, diharapkan pendokumentasian ini adalah titik awal dalam usaha membongkar rahsia warisan agung yang kini kian terpinggir dari alam generasi pewarisnya.

Kata kunci : Masjid;Seni bina ; Selangor